

PENJANAAN PENDAPATAN MELALUI PENINGKATAN KAPASITI KOLEJ KEDIAMAN DI UNIMAS

Mazdan Ali Amaran, PhD^{1*}, Azeemah Ahmad², Bong Azmir Hat @ Bong Hata³, Eleaner Kelokok⁴, dan Zubaidah Abdul Ghani⁵

¹ Pengetua Kolej Kediaman Bunga Raya dan Tun Ahmad Zaidi

² Pengarah, Pusat Khidmat Pelajar

³ Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Khidmat Pelajar

⁴ Penolong Pengurus Asrama Kanan, Pusat Khidmat Pelajar

⁵ Timbalan Bendahari Kanan, Pejabat Bendahari

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, 94300, Sarawak

*Email: amazdan@unimas.my


Abstrak

Dalam senario ekonomi semasa, universiti perlu menguruskan pengurangan bajet tahunan daripada kerajaan dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan kualiti dan nilai perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar. Kemampuan kewangan universiti adalah penting untuk memastikan peranan dan tanggungjawab universiti tidak terjejas. Justeru, universiti mempunyai beberapa strategi kemampuan kewangan melalui penjanaaan pendapatan daripada sumber-sumber dalaman. Salah satunya adalah melalui kutipan hasil daripada yuran kolej kediaman. Kolej-kolej kediaman di universiti memainkan peranan penting dalam menyediakan tempat tinggal yang selesa dan kondusif untuk pelajar. Selain menjadi tempat tinggal, kolej-kolej ini juga mempunyai potensi untuk menghasilkan pendapatan tambahan bagi sesebuah universiti. Sehubungan itu, pengisian kapasiti kolej kediaman adalah penting dalam memastikan universiti mempunyai pendapatan yang stabil di samping menyediakan kediaman yang selesa dan selamat kepada pelajar sepanjang pengajian di universiti. Walau bagaimanapun, usia kolej kediaman UNIMAS yang menjangkau 20 tahun telah menyebabkan pelbagai kerosakan dan penyelenggaraan. Tambahan pula, pemberian peruntukan penyelenggaraan yang semakin menyusut telah menyebabkan keadaan semakin rumit dan menjejaskan kapasiti penuh kolej kediaman. Justeru, kajian ini melihat kepada strategi yang dilaksanakan oleh pihak UNIMAS dalam usaha meningkatkan kapasiti kolej kediaman dan membantu meningkatkan pendapatan universiti. Kaedah analisis data kuantitatif digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi daripada Unit Perumahan Mahasiswa, UNIMAS daripada tahun 2018 sehingga 2023 dan melibatkan 10 kolej kediaman di UNIMAS yang boleh menempatkan lebih 11,000 orang pelajar secara keseluruhannya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pihak UNIMAS telah melaksanakan pelbagai strategi bagi meningkatkan kapasiti kediaman pelajar di semua Kolej Kediaman Pelajar UNIMAS daripada tahun 2018 sehinggalah 2023 seterusnya membantu UNIMAS meningkatkan pendapatan universiti.

Kata Kunci: Kolej Kediaman, kapasiti kolej, pendapatan universiti, penyelenggaraan

1.0 Pendahuluan

Universiti mempunyai beberapa sumber penjana pendapatan secara dalaman, salah satu daripada sumber berkenaan ialah yuran kolej kediaman. Sehubungan itu, pengisian kapasiti kolej kediaman adalah penting dalam memastikan universiti mempunyai pendapatan yang stabil serta berterusan dan juga meneruskan usaha untuk menyediakan kolej kediaman yang selesa dan selamat untuk kesejahteraan pelajar sepanjang pengajian mereka di universiti.



Gambar Rajah A: Bilangan Enrolmen Pelajar UNIMAS dari tahun 2019 sehingga 2023

Berdasarkan Gambar Rajah A menunjukkan perbandingan antara jumlah enrolmen pelajar UNIMAS dari tahun 2019 sehingga 2023. Di sini menunjukkan bilangan enrolmen pelajar yang memasuki UNIMAS pada setiap tahun menunjukkan trend peningkatan dan dalam masa yang sama hasrat universiti adalah untuk menyediakan sebanyak mungkin penginapan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, timbul persoalan bahawa adakah kapasiti boleh guna di kolej kediaman UNIMAS mampu menampung jumlah enrolmen yang semakin meningkat ini dan seterusnya dapat memenuhi hasrat universiti dalam menjana pendapatan.

Mengikut draf garis panduan pelaksanaan dasar penginapan pelajar universiti awam yang dicadangkan oleh Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM), bilangan penghuni yang diberikan kemudahan penginapan tertakluk kepada jenis dan kapasiti serta kemampuan universiti menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pelajar. Minimum 70% pelajar daripada enrolmen pelajar pra-siswazah sepenuh masa disediakan kemudahan penginapan. Mengikut data terkini daripada MAPUM, 71% pelajar mendapat kemudahan kolej kediaman di semua 20 Universiti Awam Awam (UA). Hanya 29% tidak mendapat kemudahan kolej kediaman dan menetap di luar kampus sebagai Non-Residen (NR).

Kapasiti kolej kediaman UNIMAS secara keseluruhan ialah 13,289 yang merangkumi sembilan (9) kolej kediaman dan satu kolej di bawah anak syarikat universiti. Kolej kediaman UNIMAS adalah seperti berikut:

- i. Kolej Tun Ahmad Zaidi;
- ii. Kolej Allamanda